

## **BAB 2**

## BAB 2

### SEJARAH DAN LATAR BELAKANG ORGANISASI AKHBAR

#### 2.1. SEJARAH PERKEMBANGAN AKHBAR DI MALAYSIA

Tarikh sebenar penerbitan akhbar di dunia mula diusahakan tidak siapa yang tahu. Tetapi mengikut catatan sejarah, penerbitan bercetak yang boleh disifarkan sebagai akhbar yang mula-mula diterbitkan dikenali *Post och Inrikes Tidningar* yang diterbitkan di Sweden pada tahun 1644.

Buku tulisan Mustaffa Suhaimi bertajuk *Jurnalisme Akhbar* (1986), menghuraikan secara ringkas sejarah penerbitan akhbar dari terbitan pertama pada tahun 1665 sehinggalah sejarah dan latar belakang penerbitan akhbar di Malaysia. Mengikut catatan dalam bukunya, akhbar pertama diterbitkan di Britain ialah *Oxford Gazette* yang diterbitkan pada tahun 1665. *Public Occurrences Both Foreign and Domestick* yang diterbitkan di Boston pada tahun 1690 merupakan akhbar pertama di Amerika Syarikat. Lazimnya, akhbar pada zaman itu terbit sekali seminggu dalam hanya selembor sahaja memandangkan alat dan kemudahan percetakan pada ketika itu masih terlalu mundur.

Mengikut sejarah, penerbitan akhbar di Malaysia bermula hanya pada abad ke-19. *Prince of Wales Island Gazette* yang diterbitkan di Pulau Pinang menjadi akhbar pertama terbit di Semenanjung Malaysia. Akhbar berbahasa Inggeris itu diterbitkan pada tahun 1805. Pada tahun 1824, *Singapore Chronicle* diterbitkan di Singapura. Kemudiannya, terbit akhbar *Singapore Free Press* pada tahun 1835, *Penang Gazette* pada tahun 1838, *Straits Times* pada tahun 1845, *Malay Mail* pada tahun 1896, *Straits Echo* pada tahun 1903, dan *Malaya Tribute* pada tahun 1915.

Akhbar dalam bahasa Melayu yang pertama diterbitkan pada tahun 1876 di Singapura dikenali sebagai *Jawi Peranakan*. Akhbar ini diterbitkan secara mingguan iaitu terbit pada setiap hari Isnin sehingga tahun 1895, bertahan selama 20 tahun. Kandungan akhbar berbahasa Melayu pertama ini hanya memaparkan bahan bacaan yang cukup terbatas. Akhbar ini hanya terbit dalam empat halaman dan hanya menyiarkan berita-berita tempatan secara ringkas, petikan-petikan berita luar negara dan surat-surat daripada pembaca.

Antara akhbar mingguan yang diterbitkan selepas penerbitan akhbar pertama *Jawi Peranakan* ialah *Sekolah Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1888 sehingga 1890, *Taman Pengetahuan* yang diterbitkan pada tahun 1904, *Sri Perak* yang diterbitkan di Taiping pada tahun 1893, *Bintang Timur* diterbitkan pada tahun 1894 oleh Persatuan Cina Kristian dalam tulisan Rumi yang merupakan akhbar mingguan pertama di Singapura dan *Cahaya Pulau Pinang* diterbitkan pada tahun 1900 (Mustaffa Suhaimi, 1986).

Pertumbuhan akhbar dalam bahasa Melayu pada awal abad ke-20 di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura amat perlahan berbanding dengan majalah. Hanya terdapat dua buah akhbar diterbitkan iaitu *Utusan Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1907 di Singapura yang bertahan sehingga tahun 1921 dan *Lembaga Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1914 sehingga 1931 juga diterbitkan di Singapura. *Utusan Melayu* pada ketika itu diterbitkan tiga kali seminggu dalam tulisan Jawi dan Rumi dengan suntikan modal oleh sebuah akhbar berbahasa Inggeris iaitu *Singapore Free*.

Mustaffa Suhaimi (1986) mencatatkan individu yang terlibat di dalam perusahaan akhbar di negara ini. Menurutnya, Muhammad Eunus Abdullah iaitu seorang wartawan

Melayu yang terkenal pada ketika itu manjadi Pengarang pertama akhbar *Utusan Melayu*, berkhidmat selama dua tahun sehingga 1909. Muhammad Eunus kemudiannya menjadi pengarang *Lembaga Melayu* pada tahun 1914 sehingga 1931.

Pada awal tahun tiga puluhan, *Warta Malaya* yang diterbitkan pada tahun 1930 menjadi akhbar harian pertama dalam bahasa Melayu, yang terbit sehingga tahun 1941. Dato' Onn Jaafar menjadi pengarang pertama dan berkhidmat sehingga tahun 1933. Pada tahun 1935, syarikat yang menerbitkan *Warta Malaya* menerbitkan akhbar mingguan iaitu *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka*. *Warta Jenaka* menjadi akhbar mingguan yang popular pada ketika itu yang dipimpin oleh Abdul Rahim Kajai.

*Majlis* (dalam tulisan Jawi) adalah akhbar harian yang kedua, diterbitkan pada tahun 1931. Merupakan akhbar harian pertama diterbitkan di Kuala Lumpur dan bertahan terbitannya sehingga tahun 1957. Abdul Rahim Kajai menjadi pemimpin pertama *Majlis* dan kemudiannya diambil alih oleh Othman Kalam, dua orang wartawan yang disifatkan sebagai wartawan profesional pertama dan ulung di kalangan orang Melayu (Mustaffa Suhaimi, 1986).

Akhbar harian yang ketiga diterbitkan pada tahun 1935 yang dipelopori oleh Dato' Onn Jaafar iaitu *Lembaga Malaya*. Akhbar harian yang terbit sehingga sekarang iaitu *Utusan Melayu* diterbitkan di Singapura pada 29 Mei 1939. Pengarang pertama *Utusan Melayu* ialah Abdul Rahim Kajai. Berbeza dengan akhbar *Utusan Melayu* pertama yang diterbitkan pada tahun 1907 dan dihentikan pada tahun 1921, akhbar *Utusan Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1939 diusahakan dan dimodali oleh orang Melayu sendiri.

Harun Aminurrashid pula memimpin sebuah lagi akhbar harian berbahasa Melayu dalam tulisan Jawi yang diterbitkan di Singapura pada tahun 1950 iaitu *Melayu Raya*.

Menurut Dr. William R. Roff, seorang ahli sejarah Inggeris dari Scotland yang membuat kajian di Semenanjung Tanah Melayu dari tahun 1876 sehingga meletus Perang Dunia Kedua, terdapat tidak kurang daripada 147 buah majalah dan akhbar dalam bahasa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu (Mustaffa Suhaimi, 1986).

Kebanyakan akhbar harian dalam bahasa Melayu diterbitkan di Singapura dan Kuala Lumpur, kecuali *Saudara* yang diterbitkan di Pulau Pinang antara tahun 1928 hingga 1940 dan *Warta Negara* yang diterbitkan pada tahun 1945, akhbar seperti *Warta Kinta* dan *Suara Rakyat* pula diterbitkan di Ipoh.

Setelah lebih daripada 70 tahun penerbitan akhbar harian berbahasa Melayu di Malaysia bermula dengan *Warta Malaya* yang diterbitkan pada tahun 1930, *Berita Harian* kini menjadi akhbar harian berbahasa Melayu yang diminati selain *Utusan Malaysia*.

Penerbitan akhbar *Berita Harian* dan *Harakah* berbeza bukan sekadar sejarah tetapi juga matlamat penerbitanya. Akhbar *Berita Harian* telah melalui sejarah yang panjang sejak dilancarkan pada 1 Julai 1957, dua bulan sebelum negara mencapai kemerdekaan. Akhbar *Harakah* pula diterbitkan 30 tahun sesudah *Barita Harian* iaitu keluaran pertamanya terbit pada 27 Mac 1987. Namun, kedua-dua akhbar tersebut tidak meminggirkan teknologi maklumat dengan melancarkan edisi dalam taliannya walaupun tidak mendatangkan keuntungan berbanding edisi cetak.

Kemunculan Internet mencetuskan pelbagai reaksi daripada penerbit dan audiens akhbar. Faktor seperti penyediaan kemudahan mengakses Internet yang baik di negara ini mempengaruhi perlakuan pengguna Internet. Peluang mengakses Internet yang tersedia dengan kos perkhidmatan yang rendah membawa kepada satu anjakan atau perubahan

kepada pengguna untuk memperoleh maklumat. Audiens akhbar semakin berubah daripada menggunakan akhbar cetak kepada akhbar dalam talian walaupun secara perlahan. Fenomena ini mendorong pengusaha akhbar mewujudkan edisi dalam talian.

## 2.2 LATAR BELAKANG ORGANISASI

Akhbar *Harakah* dan *Harakahdaily* diusahakan penerbitannya oleh Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat (JPPPP). Jabatan ini ketua oleh Ketua Penerangan PAS. Sejarah penerbitan akhbar *Harakah* sebenarnya bermula ketika Jabatan ini yang diketuai Ustaz Nakhaie Ahmad yang merupakan Ketua Penerangan PAS pada ketika itu.

*Harakah* mengalami peringkat-peringkat perkembangan yang pesat. Bermula dengan penerbitan majalah bersaiz A4 dalam beberapa keluaran sehingga diharamkan kerajaan lantaran tidak memiliki permit penerbitan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Kemudiannya ditukar bentuk kepada majalah isu yang tidak memerlukan permit. Ternyata majalah bentuk ini membawa keuntungan sebanyak RM14,000.00 setelah 13 keluaran. Keuntungan ini menjadi modal kepada penerbitan akhbar *Harakah* keluaran pertama pada 27 Mac 1987. Akhbar yang dikeluarkan seminggu sekali ini dijual dengan harga RM0.60. Cetakan pertama sebanyak 13,000 naskhah habis dijual di pasaran sehingga ada permintaan untuk mengulang cetak. Namun, permintaan tersebut tidak dapat ditunaikan disebabkan masalah percetakan.

Pada penghujung tahun 1986, permohonan permit daripada KDN dibuat untuk menerbitkan akhbar *Harakah*. Permohonan permit penerbitan akhbar *Harakah* hanyalah secara *in house* iaitu untuk ahli sahaja. Pada Mac 1987, permit penerbitan dikeluarkan

sehingalah sekarang. Permohonan dibuat setelah pengharaman majalah *Al-Harakah* oleh kerajaan disebabkan dikeluarkan tanpa permit.

Soal kebebasan akhbar yang dibangkitkan oleh DAP pada pilihanraya umum 3 Ogos 1986 sehingga hangat diperbahaskan dalam sidang Parlimen sebenarnya menjadi titik mula permohonan dan pemberian permit penerbitan akhbar yang menjadi lidah rasmi parti pembangkang. Kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub yang mempersoalkan kenapa parti pembangkang tidak membuat permohonan permit penerbitan mendorong PAS mengemukakan permohonan permit penerbitan sebagai lidah rasmi parti. Dengan itu, wujudlah lidah rasmi PAS dengan *Harakah*, demikian juga DAP dengan *Rocket*, dan PSRM dengan *Mimbar Sosialis*.

Pemberian permit penerbitan kepada PAS membawa titik mula kepada akhbar *Harakah* dengan Nakhaie dilantik menjadi Ketua Pengarang pertama manakala Subky Latif sebagai Pengarang pertama. Berbekalkan semangat dan usaha gigih, edisi pertama akhbar *Harakah* dapat diterbitkan pada 27 Mac 1987.

Sejajar dengan perkembangan ICT, JPPPP tidak mahu ketinggalan menerbitkan edisi dalam talian akhbar *Harakah* pada November 1999. Pada 15 Mei 2000, Jabatan ini melangkah setapak lagi dengan pelancaran Web TV - sebuah persembahan video filem digital yang membawa elemen multimedia audio dan video yang lebih interaktif.

Sementara akhbar *Beřita Harian* dan *Berita Harian Online* diterbitkan oleh Berita Harian Sdn. Bhd., anak syarikat Kumpulan The News Straits Times Press (NSTP) Berhad. *Berita Harian* dilancarkan pada 1 Julai 1957 merupakan idea L.C. Hoffman, Ketua Editor Straits Times. Penerbitan akhbar berbahasa Melayu ini disasarkan kepada penduduk Malaya yang tidak boleh berbahasa Inggeris.

*Berita Harian Online* mencatatkan sejarah penerbitan *Berita Harian* bermula tanggal 1957 yang bukan sahaja menyaksikan laungan 'Merdeka' bergema di seluruh bandar dan desa malah turut menyaksikan kelahiran akhbar yang berwibawa iaitu *Berita Harian*. Menurut catatan edisi akhbar dalam taliannya lagi, *Berita Harian* adalah akhbar yang dihasilkan oleh rakyat kepada rakyat dan untuk rakyat bagi memenuhi keperluan rakyat Malaya semasa era nasionalisme yang sedang memuncak. Akhbar *Berita Harian* berperanan menggerakkan semangat juang untuk memerdekakan negara tercinta. Dan sehingga kini *Berita Harian* terus menyemarakkan impian rakyat ke arah mencapai Wawasan 2020.

Selepas empat dekad, *Berita Harian* melalui pelbagai perubahan mengikut arus daripada akhbar yang mencerminkan pemikiran dan aspirasi masyarakat berasaskan pertanian kepada akhbar yang dapat merangsang minda dalam mengejar arus maklumat yang mana pengetahuan adalah sumber utama untuk kemakmuran ekonomi.

Pembaca *Berita Harian* terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat meliputi pelajar, suri rumah, golongan kelas menengah, dan ahli perniagaan. *Berita Harian* diedar sehingga 300,000 setiap hari dan dibaca oleh seramai 1.403 juta pembaca yang berada dalam lingkungan umur 15 tahun ke atas (*Berita Harian Online*).

*Berita Harian* diterbitkan dalam lima edisi. Edisi harian dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian Utama, Bahagian Nasional dan Bahagian Tema. Bahagian Nasional dibahagikan kepada edisi Utara, Tengah, Selatan, Timur dan Sabah Sarawak. *Berita Harian* juga memuatkan akhbar tabloid *Joran* yang diterbitkan setiap Jumaat, eksklusif untuk aktiviti memancing.



Edisi dalam talian akhbar *Berita Harian* diletakkan di bawah e-Media yang merupakan produk yang diterbitkan oleh NSTP e-Media Sdn. Bhd., sebuah lagi anak syarikat Kumpulan NSTP Berhad. E-Media dilancarkan pada 1 Februari 2000 yang menerbitkan edisi dalam talian terbitan Kumpulan NSTP iaitu *Berita Harian*, *Berita Minggu*, *New Straits Times*, *Sunday Times*, *Harian Metro*, *Metro Ahad*, *Malay Mail*, *Sunday Mail*, dan *Business Times*. Penerbitan edisi dalam talian ini bertujuan memasarkan produk penerbitan melampaui batas geografi.

### 2.3 KESIMPULAN

Setelah manusia melalui revolusi pertanian, kemudian revolusi perindustrian, kini manusia mengalami revolusi maklumat. Zaman ini merupakan era transisi kepada era informasi atau 'Informasi Age' yang mana manusia mengalami perubahan daripada menggunakan bahan bercetak di atas kertas kepada skrin komputer atau *online*.

Demikian halnya dalam penerbitan akhbar. Perlakuan audiens akhbar yang semakin mengemari media *online* memaksa pengusaha akhbar mewujudkan edisi dalam talian bagi akhbar terbitannya. Pada mulanya, penerbitan akhbar dalam talian bertujuan untuk meningkatkan imej syarikat dan terbitannya, tapi kini syarikat penerbitan akhbar semakin serius meningkatkan infrastruktur dan perkhidmatan akhbar dalam taliannya. Ini didorong oleh penyediaan kemudahan mengakses Internet yang tinggi dan *trend* penggunaan Internet yang semakin meningkat di kalangan masyarakat Malaysia. Anjakan ke arah penggunaan media *online* ini mengundang situasi baru dalam perusahaan akhbar di negara ini.